

Sasar 125 bandar capai status bandar bahagia 2025

April 17, 2022 @ 4:50pm



PLANMalaysia menyasarkan 125 bandar akan mencapai skor melebihi 80 peratus untuk dikategorikan sebagai bandar bahagia dalam Indeks Kebahagiaan pada 2025 (gambar hiasan)

KUALA TERENGGANU: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) menyasarkan 125 bandar akan mencapai skor melebihi 80 peratus untuk dikategorikan sebagai bandar bahagia dalam Indeks Kebahagiaan pada 2025.

Ketua Pengarahnya, Dr Alias Rameli berkata, bagi mencapai matlamat itu, kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) memberi penekanan kepada pengukuhan kesejahteraan merangkumi beberapa aspek.

Ini, katanya termasuk aspek sistem penjagaan kesihatan, menangani kemiskinan secara menyeluruh, pembangunan rumah mampu milik yang berkualiti, mempergiatkan aktiviti ekonomi, gaya hidup aktif dan memperkuuh perpaduan.

"Kita sangat memerlukan kerjasama kerajaan negeri untuk merealisasikannya supaya 14 aspek kebahagiaan yang menjadi indikator dalam indeks itu tercapai dan dapat dinikmati manfaatnya oleh penduduk setempat.

"Usaha sebenar adalah di peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana kita faham ia juga bergantung dengan jumlah peruntukan, mungkin ada kekangan di situ.

"Kita akan terus membantu PBT dalam memberi gambaran terkini terhadap tahap kesejahteraan taraf hidup dalam kerangka Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Bandar Bahagia 2021 PBT Terengganu kepada Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar hari ini.

Empat PBT di Terengganu yang menerima skor lebih 80 peratus dalam Indeks Kebahagiaan PBT 2021 ialah Kuala Terengganu, Dungun, Marang dan Setiu.

Sementara itu Ahmad Samsuri berkata, kerajaan negeri akan memastikan tiga lagi PBT iaitu Kemaman, Besut dan Hulu Terengganu akan mencapai status bandar bahagia dalam penilaian indeks tahun ini.

"Saya percaya semua perkara sedang dilaksanakan oleh pihak PBT untuk mempercepatkan dan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada rakyat supaya semua permasalahan dapat diselesaikan dengan pantas dan memuaskan hati semua orang.

"Kita akan usaha supaya dapat penuhi semua kriteria ditetapkan dalam penilaian Indeks Kebahagiaan ini. Antaranya proses pendigitalan dan penggunaan internet lebih meluas agar skop perkhidmatan kepada rakyat dapat dipertingkatkan," katanya. – BERNAMA